

23 SEP 1996

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA RAJA FAHD

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirinkan ucapan tahniah kepada Raja Fahd Abdul Aziz, Arab Saudi sempena Hari Kebangsaan negara itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan ucapan tahniah kepada Raja Fahd.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir menegaskan sekali lagi hasrat Malaysia untuk terus memperkembangkan kerjasama antara kedua-dua negara terutama dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengirinkan ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Putera Sa'ud Al-Faisal As-Sa'ud.

-- BERNAMA

RHM CTL NMO